



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

SMS Promosi dan SPAM: SKMM Kompaun 12 Syarikat RM260,000-00

Cyberjaya: 8 Februari, 2013 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengkompaun 12 syarikat yang melanggar syarat-syarat lesen mereka semalam. Jumlah terkumpul semua kompaun berkenaan adalah RM260,000-00.

Kegagalan mematuhi syarat Standard Mandatori untuk Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih (*Mobile Content Service* atau MCS) adalah melanggar syarat-syarat lesen SKMM iaitu perkara 2.2 syarat-syarat standard Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (ASP(C)).

SKMM sebelum ini telah memberi amaran kepada pemegang-pemegang lesen untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan termasuk isu berkenaan panggilan terputus atau "*dropped call*" dan mesej promosi SMS. Malangnya, rungutan daripada pengguna mengenai kualiti perkhidmatan tetap meningkat kerana pihak telco masih tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah yang dihadapi.

Tindakan yang diambil oleh SKMM adalah berdasarkan kegagalan untuk mematuhi Standard Mandatori berikut:

(a) Para 35: "Semua pembekal MCS hendaklah memasukkan maklumat harga pada permulaan setiap SMS, kandungan yang boleh dikenakan caj atau SMS yang dihantar tanpa sebarang kos kepada pelanggan."

(b) Para 50: "Semua pembekal MCS hendaklah menyediakan semua bahan-bahan promosi MCS dengan maklumat yang mencukupi, jelas, benar, terkini dan dalam bahasa yang mudah difahami."

Kenyataan Media

Press Release

(c) Para 69: "Jika SMS pemasaran adalah SMS yang meminta pembelian atau langganan, harga yang berkaitan hendaklah disediakan dalam SMS pemasaran itu sendiri."

(d) Para 70: "Semua pembekal MCS hendaklah memasukkan nama syarikat mereka sebagai sebahagian daripada SMS pemasaran mereka."

(e) Para 71: "Semua pembekal MCS tidak dibenarkan mempromosikan MCS dengan cara yang tidak sesuai."

(f) Para 73: "Dalam mana-mana promosi SMS yang dihantar, semua pembekal MCS hendaklah memasukkan pemberitahuan bahawa pelanggan boleh "memilih untuk keluar" (*opt out*) daripada terus menerima promosi SMS dengan menghantar "OUT" atau kata kunci "KELUAR" pembekal MCS. Setelah menerima kata-kata kunci, MCS hendaklah dengan serta-merta berhenti menghantar sebarang promosi SMS selanjutnya kepada pelanggan ini, menggunakan mana-mana kod pendek (*short code*) oleh pembekal MCS, walaupun jika pelanggan mempunyai langganan aktif."

Contoh-contoh mesej promosi SMS yang gagal mematuhi Standard Mandatori untuk Perkhidmatan Kandungan Mudah Alih adalah seperti berikut:

- "RM0 Perhatian funny video clip sensasi baru anda sedang menunggu sila tekan ON GP send to 3XXXX untuk menerima VIDEO anda. FREE daftar. Terima kasih."
- "RM0.00 Cepat lihat aksi panas yang anda tak percayai apa sy dpt dari hp teman pramugari! SMS REG VI ke 3XXXX skrg! STOP ke 3XXXX utk berhenti XXXXXXXXX."
- "RM0.00: 01XXXXXXXXXX Happy bestday! Taip ON THU dan hantar ke no 3XXXX skrg dan terima hadiah percuma! Pelan SMS mobile content yg terbaru utk phone anda. Enjoy"
- "RM0.00: Gambar2 panas lagi sensai! Model2 anggun Indonesia yg pasti membuatkan hati brdebar lebih kencang! Taip ON CEWEK ke 3XXXX (RM0.50/sms) utk gmbr2 ini!"

Perlanggaran perkara 2.2 syarat-syarat lesen standard ASP(C) adalah merupakan suatu kesalahan di bawah **seksyen 242 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998** [Akta 588] iaitu melanggar syarat-syarat yang tertakluk kepadanya mana-mana lesen telah diberikan, boleh didenda tidak melebihi

Kenyataan Media

Press Release

RM100,000-00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi **dua tahun** atau kedua-duanya.

Senarai syarikat-syarikat dan jumlah kompaun adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SYARIKAT	JUMLAH KOMPAUN
1	iSENTRIC Sdn Bhd	RM 30,000
2	Everest Mobile Sdn Bhd	RM 50,000
3	MCM Messaging Sdn Bhd	RM 10,000
4	MCOM Media Technology Sdn Bhd	RM 20,000
5	Zed Mobile Sdn Bhd	RM 10,000
6	D Tech Gateway Sdn Bhd	RM 10,000
7	D Tech Gateway Sdn Bhd	RM 10,000
8	Ice Mobile Sdn Bhd	RM 30,000
9	Million Progain Sdn Bhd	RM 10,000
10	Mexcomm Sdn Bhd	RM 50,000
11	Celcom Axiata Berhad	RM 10,000
12	Celcom Axiata Berhad	RM 20,000



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

[Tamat]

Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Ketua Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000

Faks: +603 8688 1007

E-mel: ccd@cmc.gov.my